



PUBLIC BANK

LAPORAN TAHUNAN 2021

PERNYATAAN BERSAMA OLEH **PENGERUSI DAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**



LAI WAN
Pengerusi

**TAN SRI DATO' SRI
DR. TAY AH LEK**
Pengarah Urusan/
Ketua Pegawai Eksekutif

Wabak COVID-19 dan perubahan iklim terus menjadi cabaran kepada kesihatan dan ekonomi pada tahun 2021. Berikutan meningkatnya kes COVID-19 pada pertengahan tahun 2021, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah yang ketat untuk mengekang wabak tersebut yang turut memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia (“BNM”) segera mengumumkan pelbagai langkah pengekangan, dan bertindak pantas untuk membantu rakyat menerusi pelbagai pakej rangsangan dan bantuan proaktif yang telah membantu mengurangkan kesan buruk ke atas individu dan perniagaan.

Cabaran ekonomi juga memberi kesan terhadap prestasi perniagaan Kumpulan Public Bank pada tahun 2021. Tambahan pula, kerugian pengubahsuaian berikutan bantuan pembayaran balik pinjaman di bawah pakej PEMULIH turut menjejaskan perolehan bagi tahun tersebut.

Bagaimanapun, dengan asas yang kukuh, Kumpulan Public Bank terus mengekalkan profil kewangan yang teguh pada tahun 2021, memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.37 bilion dan untung bersih sebanyak RM5.66 bilion milik para pemegang sahamnya, disokong oleh perkembangan berterusan pinjaman dan depositnya serta kenaikan dalam pendapatan berasaskan finya.

Pada tahun 2021, Kumpulan Public Bank mencatatkan pertumbuhan pinjaman berjumlah 3.6%. Bagi segmen pemberian pinjaman kepada pengguna bagi pembelian harta tanah kediaman, Kumpulan terus mengekalkan kedudukan sebagai peneraju dengan pertumbuhan sebanyak 8.7% pada tahun tersebut.

Sebagai salah sebuah pembiaya terkemuka bagi perusahaan kecil dan sederhana (“PKS”), Kumpulan Public Bank terus komited terhadap misinya yang menyaksikan pinjaman PKS domestik berkembang sebanyak 1.7% dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM67.9 bilion pada akhir tahun 2021.

Asas kukuh yang terbina sejak sekian lama – portfolio pinjaman yang teguh dan rizab berhemat untuk kerugian pinjaman – memberi penahan yang kukuh bagi Kumpulan Public Bank untuk mengatasi potensi cabaran dalam kualiti aset. Hasilnya adalah bank yang teguh dengan kualiti aset yang kukuh.

Mengekalkan standard yang tinggi sepanjang dekad, Kumpulan Public Bank tidak terkecuali walaupun persekitaran operasi yang mencabar pada tahun 2021. Kualiti aset Kumpulan terus kukuh, dengan nisbah pinjaman pengurangan nilai kasarnya berada pada 0.3% pada akhir tahun 2021 berbanding dengan nisbah pinjaman pengurangan nilai kasar industri perbankan sebanyak 1.4%.

Francais deposit Kumpulan Public Bank yang kukuh dan jenama PB yang bertahan lama terus menjadi pemacu nilai, menggerakkan deposit yang lebih tinggi untuk Kumpulan. Ini boleh dilihat dengan jumlah deposit Kumpulan yang berkembang sebanyak 4.0% pada tahun 2021, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan deposit teras yang stabil.

Sementara itu, pendapatan bukan faedah Kumpulan Public Bank juga saling melengkapi pertumbuhan keuntungan Kumpulan. Pada tahun 2021, Public Mutual, subsidiari milik penuh Kumpulan yang mengendalikan perniagaan unit amanah, mencatatkan pertumbuhan keuntungan sebanyak 22.8% dan mengekalkan kedudukan sebagai peneraju di pasaran dengan bahagian pasaran terbesar sebanyak 34.6% dalam industri unit amanah swasta runcit.

Meskipun terdapat tekanan perolehan berikutan persekitaran operasi yang mencabar, Kumpulan Public Bank terus memberi penekanan terhadap kehematan dan pengurusan kos yang berperaturan. Pada tahun 2021, Kumpulan terus mengekalkan nisbah kos kepada pendapatan yang cekap pada 31.6%, ketara lebih baik daripada nisbah kos kepada pendapatan industri perbankan sebanyak 48.1%.

TERUS MEMBANTU PELANGGAN YANG TERKESAN OLEH WABAK

Kumpulan Public Bank terus komited dalam memberi bantuan kepada pelanggan yang menghadapi kekangan kewangan disebabkan oleh wabak COVID-19.

Melibat urus secara proaktif dengan peminjam yang terkesan sejak bermulanya wabak itu dengan menyediakan pelbagai pakej bantuan pembayaran balik yang fleksibel. Kumpulan Public Bank telah membantu seramai 438,000 orang pelanggan dengan jumlah pinjaman kira-kira RM82 bilion sehingga akhir bulan Februari 2022.

Kumpulan Public Bank turut mempromosikan skim pembiayaan khas yang dimulakan oleh Kerajaan dan BNM untuk membantu PKS mengatasi cabaran yang diakibatkan oleh COVID-19. Disokong oleh inisiatifnya yang proaktif, Kumpulan meluluskan lebih daripada RM3.4 bilion untuk lebih daripada 17,700 perniagaan PKS di bawah skim pembiayaan khas tersebut sehingga akhir bulan yang sama.

MENINGKATKAN KETAHANAN DENGAN MEMASTIKAN KEMAMAPANAN

Kumpulan Public Bank juga memainkan peranan yang proaktif dalam pengurusan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"). Kumpulan telah menetapkan komitmen baharu untuk memacu lebih banyak pertumbuhan dalam perjalanan yang lebih mampan. Ini termasuk menggerakkan pembiayaan sebanyak RM25 bilion bagi pembelian kenderaan cekap tenaga dan RM15 bilion untuk pembiayaan perumahan mampu milik menjelang tahun 2025. Untuk terus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan iklim, Kumpulan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi pertimbangan berkaitan iklim dalam strategi perniagaan dan pengurusan risikonya.

Untuk menjadi mampan juga bermaksud berupaya untuk menyesuaikan dengan keperluan masyarakat yang berubah-ubah. Bergerak seiring dengan masa, Kumpulan Public Bank berupaya untuk menyesuaikan dengan cepat dan memberi respons segera kepada norma baharu, terutamanya berkaitan dengan penerimaan pakai digital disebabkan oleh sekatan pergerakan.

Kumpulan Public Bank terus melabur untuk meningkatkan platform internet dan perbankan mudah alihnya untuk memberi perbankan dalam talian yang lancar dan cekap kepada para pelanggannya. Pada tahun 2021, Kumpulan memperluaskan perkhidmatan PBe QRnya dengan menyokong pembayaran rentas sempadan di antara Malaysia dengan Indonesia dan Negara Thai.

Sementara itu, melalui Program Bantuan PKS Digital PB enterprise, Kumpulan Public Bank bekerjasama dengan beberapa penyedia penyelesaian untuk membantu pelanggan PKS meningkatkan keupayaan digital masing-masing ketika mengembangkan perniagaan mereka.

Program tersebut merupakan suatu usaha untuk menyediakan pusat sehenti yang mempunyai pelbagai penyelesaian perniagaan digital, seperti perakaunan kewangan, sumber manusia, pengurusan harta tanah dan e-dagang bagi membolehkan PKS mengakses pelbagai keperluan perniagaan dengan mudah bagi meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan kos mereka.

Inisiatif Kumpulan yang proaktif dalam mempromosikan pembayaran elektronik terus menerima pengiktirafan daripada organisasi berprestij. Dalam Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia Tahun 2021 oleh PayNet, Kumpulan memenangi tiga anugerah bagi sumbangannya yang cemerlang dalam mempromosikan e-pembayaran.

MENGUKUHKAN MODAL MANUSIA

Wabak COVID-19 membolehkan kakitangan Kumpulan Public Bank untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan memperluaskan horizon mereka. Ketika Kumpulan terus melabur bagi program

pembangunan kakitangan dan libat urus, pelbagai program latihan dalam talian untuk menggalakkan pembelajaran sendiri telah dilaksanakan, bagi mewujudkan budaya pembelajaran yang lebih mampan dan utuh. Pendigitalan merupakan sebahagian daripada inisiatif pengurusan bakat Kumpulan dan Kumpulan telah memupuk dalam diri kakitangannya dengan pemikiran digital untuk mempersiapkan diri mereka untuk cabaran masa hadapan.

PROSPEK KUMPULAN

Meninjau ke hadapan pada tahun 2022, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihan, disokong oleh kejayaan dalam kadar vaksinasi yang tinggi dan pemberian dos penggalak, pelbagai stimulus dan sokongan relif selain penambahbaikan dalam permintaan dunia.

Walaupun terus optimis, Kumpulan Public Bank akan terus berwaspada dan akan secara proaktif mengembangkan perniagaan dan mengurus risiko dengan mematuhi amalan terbaik perbankan dan perkhidmatan pelanggan yang unggul.

Kumpulan Public Bank ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin kami yang berwawasan jauh, Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow, Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat, atas dedikasi beliau dalam membangunkan Kumpulan dengan budaya korporat yang teguh yang akan menyaksikan Kumpulan melalui tempoh getir ini.

Asas teguh serta kedudukan pasaran yang diperkukuh akan terus memberi sokongan padu dalam memacu pertumbuhan perniagaan Kumpulan Public Bank. Kumpulan akan terus memanfaatkan Jenama PBnya yang dipercayai dan disegani untuk mencapai prestasi lebih baik pada tahun 2022 dan seterusnya untuk pihak-pihak yang berpentingan dengannya.

LAI WAN
Pengerusi

TAN SRI DATO' SRI DR. TAY AH LEK
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif